

////////// JAWAPAN YANG BENAR MEMPERTAHANKAN AL-MALIK SAUD //////////

[Pada 30 April 1956 dahulu suatu makalah oleh John Walters telah tersiar di dalam akhbar Singapura *Standard* yang di dalamnya dipandang oleh orang-orang yang mengerti sebagai suatu ejekan kepada kerajaan Arab yang utama, al-Mamlakah al-‘Arabiyah al-Sa‘udiyah. Melihat keadaan itu Datuk Sayyid Ibrahim al-Saggof, seorang ketua Islam yang terkenal telah menghantarkan bantahan terhadap makalah itu tetapi didukacitakan bahawa surat bantahan itu tidak disiarkan oleh akhbar tersebut. Ada pun bunyi bantahannya ialah seperti di bawah ini – P. Q.]

Saya terkejut membaca rencana dalam akhbar *Standard* bertarikh Selasa 30 April 1956, bertajuk, “Raja dengan perkara yang boleh disenyumkan”, ditulis oleh John Walters. Rencana tersebut adalah berkenaan al-Malik Saud, Raja negara Arabia Saudia.

Penulis rencana itu menuduh di antara lain-lain bahawa kebanyakan daripada rakyat al-Malik Saud yang seramai 7,500,000 orang itu, hidup di dalam kemiskinan, dan gaji seorang dalam setahun jika dihitung panjang adalah sebanyak 15 paun sahaja.

Saya tidak tahu dari manakah penulis itu mendapat keterangan-keterangan ini kerana semuanya tidak benar sekali-kali. Sebenarnya gaji yang paling rendah diterima oleh seseorang dalam setahun bukanlah 15 paun tetapi 180 paun. Buruh-buruh yang berkepandaian diberi gaji di antara satu paun dengan dua paun sehari, dan drebar-drebar motokar diberi gaji 30 paun atau lebih dari itu sebulan.

Juga tidak benar sekali-kali mengatakan negara Arabia Saudia menjadi pasar hamba abdi yang paling baik kerana di sana ada 250,000 orang hamba abdi. Saya yakin bahawa pada masa ini, di negara Arabia Saudia itu, hamba-hamba abdi tidak sampai bilangan 10,000 orang. Jumlah ini pun semakin bertambah kurang oleh kerana al-Malik Saud, anak-anak Raja dan orang-orang kaya, sedang menbebaskan hamba-hambanya kerana inilah satu perbuatan yang dipandang mulia menurut

agama Islam dan lagi menurut ajaran Islam, sesiapa juga yang mempunyai hanba maka hendaklah mereka memberi makan dan pakai kepada hamba-hambanya itu dengan cukup sebagaimana ianya mengadakan makan dan pakai bagi dirinya sendiri. Jika sekiranya hal seperti ini dikatakan perhambaan, apakah pula yang dikatakan kebiasaan? Saya yakin bahawa kebanyakan daripada orang-orang Sudan dan Afrika yang menjadi pengawal-pengawal di-Raja kepada al-Malik Saud, yang sekarang ini orang-orang yang biasa, pada masa dahulunya menjadi hamba-hamba abdi. Begitu juga hamba-hamba kepada anak-anak Raja dan orang-orang kebanyakan pada masa ini.

Daripada dua contoh yang di atas ini, sesiapa pun dengan senang akan dapat memikirkan sama ada benar atau tidak rencana itu seluruhnya.

Keadaan negeri Arab Saudi itu dengan penduduk-penduduknya yang kebanyakannya orang-orang kampung dan desa, menuntut supaya Rajanya mempunyai kedudukan yang tinggi, tidak seperti lain-lain Raja di Eropah.

Untuk mempertahankan kedudukannya yang tinggi inilah maka al-Malik Saud terpaksa mengeluarkan lebih banyak perbelanjaan daripada lain-lain Raja.

Saya berani mencabar penulis rencana itu (tuan John Walters) untuk membuktikan kebenaran keterangan-keterangan itu mengenai perkara-perkara yang telah saya terangkan tadi iaitu gaji seseorang pekerja jika dihitung sambungannya lihat muka 26

-sambungan dari muka 23

panjang dan juga hamba-hamba abdi. Saya sedia membayar 10 ribu ringgit wang Tanah Melayu kepadanya kalau ianya memberikan bukti-buktinya.

Dalam rencana itu ia mengatakan bahawa "hanya 13 peratus daripada hasil negeri digunakan untuk kerja-kerja am seperti hospital". Tetapi yang sebenarnya dalam tahun Hijrah 1754, keRajaan Saudi Arabia telah menguntukkan perbelanjaan sebanyak 320,000,000 Ringgit Sa‘udi (kebih kurang 32,000,000 paun), untuk pekerjaan-pekerjaan amnya sahaja. Jumlah ini adalah 23.7 peratus daripada jumlah hasil tahun itu yang dianggarkan (1,350,000,000 ringgit Saudi atau lebih kurang 135,000,000 paun.)

Jabatan Menteri Pertahanan diuntukkan 473,014,792 ringgit saudi (lebih dari 47,000,000 paun) dan ada lagi peruntukan-peruntukan bagi lain-lain jabatan menteri. Untuk Jabatan Pelajaran sahaja telah disediakan 45,671,593 ringgit saudi (lebih kurang 4,500,000 paun).

Beberapa buah hospital telah dibangunkan di merata-rata tempat, termasuk sebuah hospital untuk orang-orang sakit batuk kering. Banyak lagi hospital-hospital yang sedang dibangunkan. Sebuah bandar yang cukup baik keadaan kesihatannya, dijadikan sebagai contoh, sudah pun dibina di antara Mekah dan Jeddah.

Keterangan-keterangan yang diberinya berkenaan semangat dan akhlak orang-orang Arabia Saudia, adalah dusta dan menjadi satu perkara yang berniat keji. Ia mengatakan bahawa "orang-orang Muslim dari negeri-negeri lain berasa takjub melihatkan kemewahan di rumah-rumah orang Saudi terutama sekali tentang pergaulan dan akhlak mereka".

Ada lagi dua perkara yang saya fikir sama-sama perlu diterangkan. Pertamanya berkenaan kedudukan al-Malik Saud, dan keduanya berkenaan perbelanjaannya.

Al-Malik Saud, bukanlah seorang Raja yang berpelembagaan dalam erti kata seperti Queen di England. Keadaan-keadaan

di negerinya itulah menuntut supaya al-Malik Saud sama-sama mengambil bahagian dalam pemerintahan negerinya.

Dalam sebuah negeri seperti negeri Saudi Arabia yang kebanyakannya daripada penduduk-penduduknya orang-orang kampung dan desa maka didapati perlulah Rajanya mempunyai kedudukan yang tinggi, tidak seperti Raja-raja lain di Eropah. Untuk menjaga kedudukan inilah maka al-Malik Saud mesti mengeluarkan perbelanjaan lebih banyak dari Raja-raja lain. Semasa al-Malik Saud melawat negeri-negeri Islam yang lain atau pun yang bukan Islam seperti Mesir, Iran, India dan Pakistan, baginda telah menerima sambutan yang sehabis tinggi, yang belum pernah diterima oleh seorang Raja yang berdaulat dalam sejarah.

Saya menghormati kebiasaan berfikir dan kebiasaan bersurat khabar, dan juga sedar bahawa mana-mana kerajaan atau pemerintahan boleh ditegur. Tetapi saya tidak dapat menyertai perbuatan mencaci atau mencela seorang ketua negara, terutama sekali seperti dalam perkara ini, negara yang bersangkutan itu ada mempunyai perhubungan yang rapat dengan negeri ini. Patut telah diterangkan hingga sekarang bahawa tiap-tiap tahun lebih kurang 4,000 orang jemaah Haji pergi ke Mekah dari negeri ini.

Akhirnya sekali saya suka tegaskan lagi keluarga al-Malik Saud telah dapat mengadakan keamanan dan peraturan dalam negeri Arab yang dahulu penuh dengan kekecwaan. Dan lagi al-Malik Saud, adalah mendapat pandangan tinggi dari dunia Islam. Baginda mendapat satu kedudukan khas di antara Raja-raja di negeri-negeri Islam.

Baginda adalah menjaga kepada tempat-tempat yang dipandang suci oleh orang Muslim di seluruh dunia iaitu tempat orang Muslim berhimpun tiap-tiap tahun kerana menuaikan Haji dan kerananya itulah baginda telah mengeluarkan perbelanjaan lebih dari 250,000,000 paun dalam masa dua tahun yang lalu dan akan membelanjakan lagi 50,000,000 paun dalam masa dua tahun akan datang kerana membesar kan masjid al-Haram dan juga membuat jalan raya-jalan raya di sekelilingnya.